

02 MAY 1998

Mahathir-Pelancong

DR MAHATHIR PUAS HATI DENGAN KEDATANGAN PELANCONG KE LANGKAWI

LANGKAWI, 2 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berpuas hati dengan langkah pengurusan beberapa buah hotel di sini yang memberikan potongan istimewa kadar penginapan sebagai satu usaha menarik pelancong ke Langkawi dalam menangani kegawatan ekonomi sekarang.

Usaha itu termasuk memberikan kadar potongan antara 40 hingga 50 peratus untuk menarik pelancong mengunjungi pulau lagenda ini.

Pengurus Besar Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) Datuk Haji Abdul Halil Mutalib hari ini berkata Dr Mahathir telah melawat beberapa buah hotel lima bintang di sini untuk meninjau sendiri sambutan pelancong ke pulau ini semasa kegawatan ekonomi.

"Apa yang didapati ialah sambutan pelancong di hotel bertaraf lima bintang tidak begitu terjejas kerana jumlah penginapan bilik menjangkau antara 80 hingga 100 peratus", katanya kepada pemberita selepas menghantar Perdana Menteri dan keluarganya pulang ke Kuala Lumpur di lapangan terbang antarabangsa Langkawi di Padang Matsirat di sini.

Turut berada di lapangan terbang ialah Menteri Besar Kedah Tan Sri Sanusi Junid dan pegawai kerajaan yang lain.

"Malah, sebuah hotel bertaraf lima bintang Berjaya Langkawi and Spa Resort di Teluk Burau yang kita pergi kelmarin, hotel penuh 100 peratus dan boleh dikatakan 80 peratus adalah pelancong luar negara", katanya.

Beliau yakin keadaan itu adalah berikutan promosi pelancongan yang dijalankan oleh LADA di London dan Berlin tahun lepas.

Dr Mahathir bersama isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali tiba di sini petang Khamis lepas untuk bercuti di pulau bebas cukai ini.

Beliau berlepas ke Kuala Lumpur dengan pesawat khas pada kira-kira pukul 8.10 pagi dan dijangka merasmikan Hari Kualiti Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan di Jabatan Perdana Menteri pagi ini.

Semasa di sini Perdana Menteri dan keluarga turut melawat beberapa tempat menarik di sekitar pulau ini.

Sementara itu, Abdul Halil yakin kedatangan pelancong ke pulau ini akan bertambah semasa musim cuti sekolah yang akan bermula minggu depan.

Katanya keadaan itu memandangkan kedatangan pelancong termasuk dari luar negeri melalui jeti semasa hari cuti umum sempena Awal Muharam semalam telah bertambah dengan pusat-pusat membeli belah di sini menjadi tumpuan mereka.

-- BERNAMA

NH WAT